

22 FEB 2000

DR MAHATHIR DAPAT PUJIAN KERANA TANGANI KRISIS KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- China telah memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana peranannya membawa Malaysia keluar daripada krisis kewangan.

"China mengagumi kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia ke arah memajukan ekonomi dan menghargai dasar-dasar dan langkah bagi menangani krisis kewangan," kata Li Tieying, anggota Biro Politik Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China.

"China mengagumi kejayaan yang dicapai oleh Malaysia ke arah pemodenan ekonomi dan menghargai dasar-dasar dan langkah yang diambil bagi menangani krisis kewangan." kata beliau.

"Fakta menunjukkan bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menstabilkan pasaran modal adalah tepat," kata Li dalam ucapannya pada majlis jamuan anjuran persatuan-persatuan perniagaan Cina di sini malam ini.

Beliau berkata langkah itu juga memberi pengalaman yang bermanfaat kepada negara membangun yang lain tentang bagaimana untuk mengaal pengaliran modal dan menstabilkan dan membangunkan ekonomi.

Beliau juga berkata Malaysia memainkan peranan penting bagi kestabilan di rantau itu dan yakin bahawa hubungan antara kedua negara dapat diperkukuhkan pada masa depan.

-- BERNAMA

FAZ